



Bila anda seorang atlit, apa yang anda fikirkan adalah, untuk mengalahkan lawan anda. Begitulah juga bila anda berbisnes. Fokus anda untuk mengalahkan pesaing anda.

ERTI PERSAINGAN BAGI BEN COMEN

Di sana ada seorang yang bernama Ben Comen. Dia mengajar kita erti sebenar persaingan. Baginya competitor bukanlah lawannya. Tetapi dirinya sendiri. Dia menjadikan dirinya sebagai saingannya bukan orang lain.

PENYAKIT BEN

Kisah Ben ini sangat menyentuh hati. Ben sebenarnya seorang yang mengidap penyakit Cerebral palsy. Penyakit ini disebabkan oleh komplikasi semasa kelahiran. Ia akan mempengaruhi



pergerakan dan keseimbangan seseorang. Masalah penyakit ini tidak dapat diubati dan dia menjadi penyakit seumur hidup. Ben walaupun mengidap penyakit yang menyukarkannya untuk berjalan, tetapi ini tidak memadamkan impiannya untuk menjadi pelari marathon. Dia menyertai pasukan larian bersama rakan-rakannya.


BEN KETINGGALAN DALAM LARIAN



Biasanya dalam larian yang disertainya Ben akan ketinggalan dibelakang. Setelah semua rakannya menamatkan larian dalam masa kira-kira dua puluh lima minit, Ben memerlukan masa 45 minit untuk menamatkan lariannya. Dia bukan sahaja ketinggalan dibelakang tetapi dia asyik tersungkur semasa lariannya. Adakah Ben berhenti setelah melihat semua orang sudah jauh ke depan? Tidak. Dia tetap meneruskan larian walaupun tersungkur lagi.

KEJAIBAN BERLAKU

Sesuatu yang ajaib berlaku selepas Ben berlari dua puluh lima minit. Setelah rakan-rakannya menyudahkan larian, mereka kembali untuk berlari bersama Ben. Benlah satu-satu pelari yang bila dia jatuh ada rakan yang cuba mengangkatnya kembali. Benlah satu-satunya orang yang menghabiskan larian dengan ada ratusan orang yang berlari dibelakangnya.



MENGAPA INI TERJADI?

Ini terjadi kerana Ben bukan berlari untuk mengalahkan sesiapa. Dia berlari semata-mata untuk bersaing dengan masanya dan dirinya sendiri. Dia berlari demi kepuasan dan pencapaiannya sendiri. Dia bukan macam pelari lain, yang berlari untuk mengalahkan pihak lawan. Dia berlari dan terus berlari tanpa peduli pesaingnya kerana matlamatnya jelas untuk dirinya sendiri.

PENGAJARAN



Persaingan sebenarnya tidak penting



Pesaing kita adalah diri kita sendiri



Pentingkan apa yang kita capai bukan orang lain

وَمَنْ جَاهَدَ فَإِنَّمَا يُجَاهِدُ لِنَفْسِهِ

“Siapa yang berusaha sesuatu, ia buat untuk kebajikannya sendiri.”

(Al-Ankabut : 6)